



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
*DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA*

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Kami : ( 8 )KKM/62/BPKK(RH)/RH3 Bhg.11

Tarikh : 31 Disember 2009

## **SENARAI EDARAN**

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 25/2009**

### **PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Borang Pendaftaran OKU yang baru bagi menggantikan borang yang lama untuk proses pendaftaran OKU selaras dengan Akta OKU 2008.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Akta OKU (Akta 685) telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 24 Januari 2008. **Majlis Kebangsaan Bagi OKU** telah ditubuhkan di bawah Akta ini bagi menyelia pelaksanaan Akta termasuk proses pendaftaran OKU. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia merupakan anggota tetap Majlis ini.
- 2.2 Agensi yang terlibat dalam proses pendaftaran OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Wanita, Keluarga

dan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab dalam pengesahan ketidakupayaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran. Walaubagaimanapun, mendaftar sebagai OKU adalah atas dasar sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

- 2.3 Pada 26 Jun 2009, Majlis Kebangsaan Bagi OKU dalam mesyuarat Bil. 2 tahun 2009 telah meluluskan Borang Pendaftaran OKU yang baru bagi menggantikan borang yang lama.
- 2.4 Kerajaan juga telah bersetuju supaya kategori OKU yang baru menggantikan kategori yang sedia ada (seperti dalam rajah di bawah) ini digunapakai oleh semua Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Sektor Swasta dalam semua urusan berkaitan dengan OKU yang mana ia telah diluluskan oleh kabinet (rujukan 343/2646/2009) pada 27 Mei 2009.

Bil	Kategori sedia ada	Kategori baru
1.	Kurang upaya penglihatan	Kurang upaya penglihatan
2.	Kurang upaya pendengaran	Kurang upaya pendengaran
3.	Kurang upaya fizikal	Kurang upaya fizikal
4.	Masalah pembelajaran	Masalah pembelajaran
5.	<i>Cerebral palsy</i>	Kurang upaya pertuturan
6.	Lain-lain	Kurang upaya mental
7.	-	Kurang upaya pelbagai ( <i>Multiple disabilities</i> )

2.5 Objektif pendaftaran OKU ini adalah seperti berikut:

- 2.4.1 Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program yang berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan.

- 2.4.2 Untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU.
- 2.4.3 Untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsiian / ketidakupayaan mereka.

### **3. TINDAKAN**

3.1 Sehubungan itu, semua Pengarah Kesihatan Negeri / Pengarah Hospital / Pegawai Perubatan yang menjaga hendaklah memastikan bahawa penggunaan borang baru ini dilaksanakan. Borang Pendaftaran OKU baru ini adalah seperti berikut:

3.1.1 Borang Pendaftaran Orang Kurang Upaya Kanak-Kanak (0-18 Tahun) / BPKKKU (Pindaan 1/2009) – Lampiran I

3.1.2 Borang Pendaftaran Orang Kurang Upaya (18 tahun ke atas) / BPOKU (Pindaan 1/2009) – Lampiran II

3.2 Dengan ini, semua hospital dan klinik hendaklah memastikan borang pendaftaran baru sentiasa ada secara berterusan. Taklimat penggunaan borang baru perlu diadakan kepada semua anggota berpandukan Garis Panduan di Lampiran III. Borang Pendaftaran dan Garis Panduan boleh dimuat turun dari laman web [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).

### **4. TARIKH BERKUATKUASA**

Arahan di dalam Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh 01 Januari 2010.

## 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Aras 7 & 8, Blok E10, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-88834011

No. Faks : 03-88886150

## 6. PENUTUP

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua petugas awam di Hospital dan Klinik Kesihatan dalam menjayakan pengesahan dan pendaftaran OKU amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Yang Ikhlas,*



**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan  
Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Tun Abang Hj. Openg  
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri Perak  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30590 Ipoh, Perak

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9,10 & 11 Wisma Sunwaymas  
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan  
40100 Shah Alam, Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 1, Rumah Persekutuan  
88814 Kota Kinabalu, Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri Johor  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek  
80590 Johor Bharu, Johor

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan  
Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15590 Kota Bahru, Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 37, Komtar  
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jalan Sultanah  
05350 Alor Setar, Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
29200 Kuala Terengganu, Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Lee Sam  
70590 Seremban, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri Melaka  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 6, Wisma Persekutuan  
Jalan Hang Tuah  
75300, Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri Perlis  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar, Perlis

Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur  
Kompleks Pejabat-pejabat Kesihatan  
Jalan Cenderasari  
50490 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan WP Labuan  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
Peti Surat 80832  
87018 WP Labuan

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang, Kuala Lumpur

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia  
62505 Putrajaya

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan  
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan  
Markas Angkatan Tentera Malaysia  
Tingkat 15, Bangunan KUB.com  
Jalan Yap Kwan Seng  
50634 Kuala Lumpur

Pengarah  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)  
Jalan Tenteram  
Bandar Tun Razak  
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pengarah  
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)  
Lembah Pantai  
59100 Kuala Lumpur

Pengarah  
Pusat Pengajian Sains Perubatan  
Kampus Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia  
16150 Kubang Kerian, Kelantan

Master  
Akademi Perubatan Malaysia  
19, Jalan Folley Barat  
50480 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Perubatan Malaysia  
Tingkat 4, Bangunan MMA  
124 Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur

Presiden  
Akademi Kedokteran Keluarga Malaysia  
Bilik 6, Tingkat 5, Bangunan MMA  
124 Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Hospital Swasta Malaysia  
No. 43, Tingkat 2  
Jalan Memanda 9, Ampang Point  
68000 Ampang, Selangor

Presiden  
Pertubuhan Doktor-Doktor Primary Care Malaysia (PCDOM)  
2 Jalan SS3/31, University Garden  
47300 Petaling Jaya, Selangor